

10 NOV 1997

Kemboja-Ekonomi

KEMBOJA MAHU MAJU IKUT KEMAMPUAN SENDIRI, KATA MENTERINYA

KUALA LUMPUR, 10 Nov (Bernama) -- Seorang menteri kanan Kemboja meminta masyarakat antarabangsa membenarkan negaranya membangun mengikut kemampuan sendiri tanpa "tekanan luaran" untuk mengembalikan kestabilan politik, sosial dan ekonominya.

"Kemboja kini negara bebas, yang tiba-tiba menjadi liberal dalam banyak hal...kami perlu dibenarkan membangun mengikut kemampuan kami," kata Menteri Kewangan dan Ekonomi, Keat Chhon.

Kemboja telah berjaya memulihkan demokrasi dalam tempoh empat tahun lepas sejak penubuhan kerajaan campuran beraja pada 1993.

"Kemboja telah menyaksikan pembangunan ekonomi yang pesat dan sihat dalam tempoh empat tahun kebelakangan ini," katanya ketika berucap mengenai "Potensi Perniagaan dan Pelaburan di Kemboja" pada persidangan Global Panel Kuala Lumpur 1997 di sini hari ini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyampaikan ucapan utama pada persidangan dua hari itu yang dianjurkan oleh Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa, Pusat Penyelidikan Eropah dan Institut Strategi dan Kepimpinan Asia (ASLI).

Keat Chhon yang juga menteri kanan bertanggungjawab mengenai pembangunan dan pemulihan, memberi jaminan yang kerajaannya akan terus membina asas ekonomi makro yang baik bagi membolehkannya menarik pelbagai tahap pelaburan secara lebih luas.

"Kerajaan Kemboja benar-benar memberi perhatian kepada pelabur dan bersedia menggunakan beberapa mekanisme termasuk konsep bina, kendali dan pindah, untuk memenuhi kehendak pelaburan," katanya.

Kemboja menghadapi masalah politik baru-baru ini apabila Perdana Menteri Keduanya Hun Sen merampas kuasa daripada Perdana Menteri Pertama Putera Norodom Ranariddh pada 5 dan 6 Julai.

Keat Chhon berkata Kemboja akan mengamalkan prinsip asas dan yang terbukti berkesan seperti demokrasi, ketelusan dan akauntabiliti dalam mengejar kemajuan.

"Kami yakin bahawa apabila hilang segala salah anggapan mengenai konsep politik Kemboja dan apabila kami menjalankan pilihan raya akan datang, kami mampu meneruskan usaha mencapai pertumbuhan kukuh berdasarkan asas kuat yang telah dibina sejak beberapa tahun lepas," katanya.

Kat Chhon berkata walaupun Kemboja tidak mempunyai kekuatan ekonomi dan kurang berpengalaman, "kami sebaliknya mempunyai wawasan yang kuat mengenai masa depan kami sebagai rakan kongsi yang mantap dan setanding dalam Asean." -- BERNAMA

ES RHM MAI